

## KENYATAAN RASMI

## SIARAN MEDIA

# KENYATAAN JAWATANKUASA CBRN IAED BERKENAAN DENGAN: NOVEL CORONAVIRUS DARI WUHAN, CHINA (2019-nCoV)

Jangkitan novel coronavirus (virus korona baru) yang bermula dari bandar Wuhan, China telah merebak ke beberapa negara di dunia, termasuknya Amerika Syarikat, dimana satu kes disahkan berlaku di negeri Washington, pada 21 Januari 2020.

Virus ini menyebabkan kebimbangan antara penguasa kesihatan dunia sejak ia dipercayai berjangkit dari haiwan kepada manusia dan sekarang disahkan berjangkit dari manusia ke manusia. Virus ini sangatlah berbahaya sebab tiada apa-apa vaksin dan keimunan yang boleh melindungi manusia daripada virus ini pada ketika ini.

Coronavirus adalah jenis virus yang boleh menyebabkan pelbagai penyakit serius seperti SARS-CoV (Severe Acute Respiratory Syndrome) dan MERS-CoV (Middle East Respiratory Syndrome).

Simptom yang boleh dikenalpasti termasuknya **demam, sesak nafas, batuk** dan lain-lain simptom **ringan selesema**, misalnya **terbersin-bersin**.

**SARANAN IAED:**

Agensi dispatch kecemasan perlu segera menghubungi ketua perkhidmatan EMS dan jabatan kesihatan tempatan untuk arahan semasa berkaitan penskrinan panggilan dan pemberitahuan kepada responder mengenai pesakit dengan simptom-simptom seumpama flu, supaya mereka boleh melengkapkan diri dengan peralatan perlindungan yang sesuai.

Bagi agensi pengguna MPDS yang menerapkan prosedur penskrinan tahap lanjutan, IAED mengesyorkan penggunaan Protokol EIDS (Emerging Infectious Disease Surveillance) bagi Chief Complaint-Chief Complaint yang berikut:

**Orang Sakit** (Protokol 26)

**Masalah Pernafasan** (Protokol 6)

Selain itu, Protokol EIDS perlu digunakan bagi lain-lain Chief Complaint apabila pemanggil memberi apa-apa maklumat yang mengindikasikan jangkitan salur pernafasan/selesema.

Bagi pengguna ProQA MPDS, Protokol EIDS boleh dilancarkan secara manual dari ProQA skrin dengan mengklik ikon yang berikut:



Walaupun kebiasaannya dilancarkan selepas pemberian kod kejadian, protokol ini boleh digunakan bila-bila masa selagi kes ProQA dalam keadaan aktif (terbuka).

Pada ketika ini, Protokol IAED sedang dikaji semula untuk penambahbaikan lebih lanjut sepertimana yang diperlukan.

Sila lawati tapak web ini dengan kerap untuk kemaskini terbaru.

**Untuk maklumat lebih lanjut berkaitan kesihatan awam, panduan bagi nombor talian kecemasan dan panduan bagi responder pertama; sila lawati pautan-pautan yang berikut untuk kemaskini terbaru:**

[cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/index.html](https://cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/index.html)

[who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019](https://who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019)

[ems.gov](https://ems.gov)

[911.gov](https://911.gov)